



Garis Panduan
STANDARD KUALITI PENGURUSAN ASRAMA
(SKPA)
2015



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Edisi MEI 2015

Unit Pengurusan Asrama
Sektor Pengurusan Kesihatan Intervensi Asrama (SPKIA)
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia



Ringkasan Eksekutif

STANDARD KUALITI PENGURUSAN ASRAMA (SKPA) 2015 merupakan dokumen yang menggantikan **PIAWAI KUALITI ASRAMA HARIAN (PKAH)** yang telah digunakan sejak tahun 2006 sebagai rujukan standard kualiti pengurusan sesebuah asrama harian KPM.

SKPA yang digubal terdiri daripada 5 Standard iaitu **Standard 1**: Kepimpinan, Hala Tuju dan Pentadbiran Asrama, **Standard 2**: Pembangunan Sahsiah, Pengurusan Aktiviti dan Program Murid, **Standard 3**: Pengurusan Prasarana/fizikal, **Standard 4**: Kemenjadian Murid dan **Standard 5**: Pematuhan Kontrak Kerajaan. Kelima-lima standard ini akan mengukur tahap prestasi / pengurusan sesebuah asrama selain menjadi rujukan kualiti pengurusan dan bukan menumpukan kepada kemenjadian murid sahaja.

Standard Kualiti yang digubal ini turut memasukkan elemen-elemen utama dan inisiatif yang digariskan dalam **Transformasi Asrama Harian (TAH)** dan SKPA ini sendiri merupakan salah satu daripada inisiatif dalam TAH. SKPA & TAH akan saling melengkapi dalam pengurusan dan pembangunan menyeluruh sesebuah asrama.

SKPA ini juga akan digunakan sebagai elemen utama dalam menentukan **BAND** sesebuah asrama melalui skor komposit yang diperolehi iaitu dengan 80% SKPA dicampurkan dengan 20% GPA (Gred Purata Asrama Dalam Peperiksaan Awam). GPA yang diambil kira ialah UPSR bagi asrama sekolah rendah dan SPM bagi asrama sekolah menengah.

Melalui penggunaan SKPA sesebuah asrama dapat mengetahui prestasi pengurusan dan pembangunan asrama dan mengenalpasti kelemahan seterusnya membuat penambahbaikan dengan lebih berfokus dan berkesan.

Kandungan

Ringkasan Eksekutif

Prakata

Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Pengoperasian Asrama

BAB 1: PENGENALAN 10

BAB 2: PANDUAN PENGGUNAAN SKPA 2015

2.1	Pendahuluan 13
2.2	Panduan Penilaian 14
2.3	Kaedah Pengiraan Skor Komposit 15
2.4	Penetapan BAND Asrama 18
2.5	Penarafan Asrama (Kendiri & Pemastian) 19
2.6	Panduan Senarai Dokumen / Bahan Untuk Semakan 20

BAB 3: PANDUAN PENGIRAAN SKPA 2015

3.1	Panduan Pengiraan 28
3.1.1	Kaedah Skor Standard 28
3.1.2	Kaedah Skor Standard (Skala 6 Skor) Kepada Peratus (%) 29
3.1.3	Kaedah Penggunaan Peratus (%) Mengikut Kriteria Kritikal 30
3.1.4	Kaedah Penggunaan Peratus (%) Mengikut Gred Purata Asrama (GPA) 31
	Jadual 20 : Rujukan Kaedah Pengiraan Mengikut Standard & Aspek 41

BAB 4: INSTRUMEN SKPA 2014

	STANDARD 1 (Kepimpinan, Hala Tuju & Pentadbiran Asrama) 43
1.1	Kepimpinan	
1.2	Hala Tuju	
1.3	Pentadbiran Asrama	

STANDARD 2 (Pembangunan Sahsia, Pengurusan Aktiviti & Program Murid) 45

- 2.1 Pembangunan Sahsia
- 2.2 Akademik
- 2.3 Sosial
- 2.4 Kepimpinan Murid
- 2.5 Kokurikulum

STANDARD 3 (Pengurusan Prasarana / Fizikal) 49**STANDARD 4 (Kemenjadian Murid)** 50

- 4.1 Kemenjadian Akademik
 - 4.1.1 Kemenjadian Murid Sekolah Rendah (UPSR)
 - 4.1.2 Kemenjadian Murid Sekolah Menengah (SPM)
- 4.2 Kemenjadian Kokurikulum & Sukan
- 4.3 Kemenjadian Sahsia Murid
- 4.4 Pengurusan Diri / Imej Asrama

STANDARD 5 (Pematuhan Kontrak Kerajaan) 54

- 5.1 Bantuan Makanan Asrama
- 5.2 Pembersihan Kawasan
- 5.3 Kawalan Keselamatan

BAB 5: DESKRIPSI SKOR**STANDARD 1 (KEPIMPINAN, HALA TUJU & PENTADBIRAN ASRAMA)**

- 1.1 Kepimpinan 59
 - 1.1.1 Gaya Kepimpinan
 - 1.1.2 Kemahiran Memotivasi & Menggerakkan Warga Asrama
 - 1.1.3 Konsep “Kemenjadian Murid Asrama Tanggungjawab Bersama”
 - 1.1.4 Budaya Penyayang Dan kekeluargaan
 - 1.1.5 Peranan Guru Bimbingan & Kaunseling
- 1.2 Hala Tuju 64
 - 1.2.1 Penetapan & Pelaksanaan Hala Tuju
 - 1.2.2 Kemahiran Merancang
 - 1.2.3 Amalan “Best Practices”
- 1.3 Pentadbiran Asrama 67
 - 1.3.1 Jawatankuasa Pengurusan Asrama
 - 1.3.2 Pengurusan Kewangan, Aset dan Penyenggaraan
 - 1.3.3 Pemantauan & Pelaporan

- 1.3.4 Pengurusan Maklumat
- 1.3.5 Pengurusan Pentadbiran Pejabat Asrama
- 1.3.6 Profil Murid
- 1.3.7 Pengurusan KPI Transformasi Asrama Harian (TAH)
- 1.3.8 Agensi Luar
- 1.3.9 Pengurusan Personel

STANDARD 2

(PEMBANGUNAN SAHSIAH, PENGURUSAN AKTIVITI & PROGRAM MURID)

2.1	Pembangunan Sahsiah 77
2.1.1	Kerohanian/Keagamaan/Nilai Murni/Moral	
2.1.2	Program "HOMEROOM"	
2.1.3	Amalan Dan Penerapan "Esprit de Corps"	
2.2	Akademik 81
2.2.1	Kelas Persediaan Berfokus (Prep Malam)	
2.2.2	Kelas Persediaan (Prep Siang)	
2.2.3	Kemahiran Cara Belajar	
2.2.4	Kelas Subjek Kritikal	
2.3	Sosial 85
2.3.1	Aktiviti Masa Senggang	
2.3.2	Kelas Bahasa Perpaduan (Komunikasi)	
2.4	Kepimpinan Murid 87
2.4.1	Jawatankuasa/Biro Murid	
2.4.2	Kepimpinan & "Softskill"	
2.5	Kokurikulum 90
2.5.1	Kebitaraan Asrama	
2.5.2	<i>Engagement</i> Antara Asrama/Institusi (Jaringan & Jalinan)	
2.5.3	Penerokaan Aktiviti Baharu	

STANDARD 3 (PENGURUSAN PRASARANA / FIZIKAL)

.... 93

3.1	Kebersihan & Kondusif (Persekitaran)
3.2	Penginapan Murid
3.3	Bilik-bilik Khas
3.4	Tandas Dan Bilik Mandi
3.5	Kemudahan Pembelajaran
3.6	Surau/Mussola
3.7	Pejabat Asrama
3.8	Dewan Makan & Dapur
3.9	Keceriaan
3.10	Keselamatan

STANDARD 4 (KEMENJADIAN MURID)**4.1 Kemenjadian Akademik****4.1.1 Kemenjadian Murid Sekolah Rendah (UPSR)****Pencapaian Murid Dalam UPSR** 106

4.1.1 (a) Peratus Murid Menguasai Sekurang-Kurangnya Gred C Dalam Semua Mata Pelajaran UPSR Terkini

4.1.1 (b) Peratus Murid Mendapat Gred A Dalam Semua Mata Pelajaran UPSR Terkini

4.1.1 (c) GPA Dinyatakan Dalam Bentuk Peratus Bagi UPSR Terkini

4.1.2 Kemenjadian Murid Sekolah Menengah (SPM)**Pencapaian Murid Sekolah Menengah Dalam SPM** 106

4.1.2 (a) Peratus Murid Mendapat Sekurang-Kurangnya Gred E Dalam Semua Mata Pelajaran SPM Terkini

4.1.2 (b) Peratus Murid Mendapat Gred A (A+, A, A-) Dalam Semua Mata Pelajaran SPM Terkini

4.1.2 (c) GPA Dinyatakan Dalam Bentuk Peratus Bagi SPM Terkini

4.2 Kemenjadian Kokurikulum & Sukan

.... 107

Pencapaian Murid Dalam Kelab Dan Sukan

4.2 (a) Peratus Murid Memperoleh Sekurang-Kurangnya Gred C

4.2 (b) Peratus Murid Memperoleh Gred Gred A

4.2 (c) Gpa Dinyatakan Dalam Bentuk Peratus

Pencapaian Murid Dalam Badan Beruniform

4.2 (d) Peratus Murid Memperoleh Sekurang-Kurangnya Gred C

4.2 (e) Peratus Murid Memperoleh Gred Gred A

4.2 (f) Gpa Dinyatakan Dalam Bentuk Peratus

Pencapaian Murid Dalam Sukan & Permainan

4.2 (g) Peratus Murid Memperoleh Sekurang-Kurangnya Gred C

4.2 (h) Peratus Murid Memperoleh Gred Gred A

4.2 (i) Gpa Dinyatakan Dalam Bentuk Peratus

Pencapaian Murid Keseluruhan Kokurikulum Dan Sukan

4.2 (j) Peratus Murid Memperoleh Sekurang-Kurangnya Gred C Bagi Semua Komponen Kokurikulum Dan Sukan

4.2 (k)	Peratus Murid Memperoleh Gred A Bagi Semua Komponen Kokurikulum Dan Sukan	
4.2 (l)	GPA Dinyatakan Dalam Bentuk Peratus Bagi Semua Komponen Kokurikulum Dan Sukan	
4.3	<u>Kemenjadian Sahsiah Murid</u> 109
4.3 (a)	Sikap & Perlakuan Positif	
	Disiplin Murid Asrama	
4.3 (b)	Peratus Murid Yang Terlibat Dalam Kes Salah Laku (Kes Ringan) Tahun Terkini	
4.3 (c)	Peratus Murid Yang Terlibat Dalam Kes Salah Laku (Kes Sederhana) Tahun Terkini	
4.3 (d)	Peratus Murid Yang Terlibat Dalam Kes Salah Laku (Kes Berat) Tahun Terkini	
4.3 (e)	Kehadiran Murid	
4.4	<u>Pengurusan Diri / Imej Asrama</u> 111
4.4 (a)	Pengurusan Diri Murid	
4.4 (b)	Imej Asrama	

STANDARD 5 (PEMATUHAN KONTRAK KERAJAAN)

5.1	Bantuan Makanan Bermasak (BMB) 114
5.1.1	Pengurusan Dokumen	
5.1.2	Pengurusan Pekerja	
5.1.3	Pematuhan Spesifikasi Kerja	
5.1.4	Bahan Mentah Basah & Bahan Mentah Kering	
5.1.5	Dewan Makan Dan Ruang Dapur	
5.2	Kebersihan Bangunan & Kawasan (KBK) 121
5.2.1	Pengurusan Dokumen	
5.2.2	Pengurusan Pekerja	
5.2.3	Pematuhan Spesifikasi Kerja	
5.3	Kawalan Keselamatan 124
5.3.1	Pengurusan Dokumen	
5.3.2	Pengurusan Pekerja	
5.3.3	Pematuhan Spesifikasi Kerja	

PASUKAN PENGGUBAL



Prakata
Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Panel Penggubal Standard Kualiti Pengurusan Asrama (SKPA) yang diterajui oleh Unit Pengurusan Asrama, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian kerana berjaya menghasilkan Standard Kualiti Pengurusan Asrama (SKPA) 2015.

Dokumen ini digubal selaras dengan pelaksanaan Program Transformasi Asrama Harian, KPM 2013 – 2020 dan ia juga merupakan salah satu inisiatif dalam Transformasi Asrama Harian iaitu Inisiatif A3: Penarafan Asrama. Setiap asrama akan dibuat penarafan (BAND) berdasarkan SKPA ini dan membolehkan pengurusan asrama dapat mengetahui prestasi masing-masing dalam melaksanakan program pemajuan asrama dengan lebih berfokus dan berkesan.

Dalam penilaian asrama berdasarkan SKPA 2015, prestasi pengurusan asrama dinilai mengikut lima standard yang ditetapkan iaitu **Kepimpinan, Hala Tuju Dan Pentadbiran Asrama, Pembangunan Sahsiah, Pengurusan Aktiviti dan Program Murid, Pengurusan Prasarana/Fizikal, Kemenjadian Murid dan Pematuhan Kontrak Kerajaan.**

Pencapaian sesebuah asrama di dalam SKPA dapat membantu meningkatkan pencapaian sesebuah asrama dan dijadikan sebagai kayu ukur bagi asrama yang cemerlang.

Akhir sekali Bahagian Pengurusan Sekolah Harian merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan dokumen ini. Adalah diharapkan dokumen ini dapat digunakan dalam usaha mengupayakan asrama serta meningkatkan kualiti pendidikan negara.

ABDULLAH BIN MAD YUNUS
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian



Pengoperasian Asrama

Pengoperasian asrama adalah berdasarkan kepada beberapa seksyen dalam **Akta Pelajaran 1996 Bahagian IV, Bab 12, Seksyen 64 dan 66 – Penyediaan Kemudahan dan Perkhidmatan.**

Seksyen 64

Tertakluk kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Menteri boleh memberikan sama ada bantuan kewangan atau selainnya berkenaan dengan murid atau mana-mana golongan murid di institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan dan bantuan itu boleh termasuk :-

- a) Pemberian dermasiswa, biasiswa, pinjaman atau bantuan lain; dan
- b) Penyediaan :
 - i. Tempat tinggal
 - ii. Pengangkutan
 - iii. Buku; dan
 - iv. Perkhidmatan perubatan dan pergigian.

Bagi maksud membolehkan murid itu menggunakan sepenuhnya kemudahan yang tersedia bagi mereka atau bagi maksud memperbaiki kesihatan dan kesejahteraan hidup mereka.

Seksyen 66

Tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan oleh seksyen 64, Menteri boleh, jika tidak boleh semunasabahnya disediakan bagi murid pendidikan atau latihan yang diperlukan melainkan jika tempat penginapan disediakan, membuat perkiraan bagi mengadakan tempat **penginapan** (sama ada percuma atau tertakluk kepada apa-apa bayaran yang diperuntukan dalam perkiraan itu) yang difikirkannya sesuai.

Kriteria Pengambilan Murid Asrama

Kemudahan asrama adalah satu keistimewaan dan bukan merupakan hak kepada semua murid. Oleh itu, pemilihan murid-murid yang layak masuk ke asrama adalah berdasarkan kriteria berikut :-

- a) Tinggal jauh dari sekolah
- b) Keluarga yang kurang berada
- c) Tinggal di tempat yang sukar mendapat kemudahan pengangkutan dan mengancam keselamatan murid
- d) Murid-murid yang mungkin tercicir jika tidak diberi tempat di asrama
- e) Murid Rancangan Khas (Melibatkan asrama-asrama tertentu sahaja seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri)
 - i. Rancangan Khas Akademik
 - ii. Rancangan Khas Aliran Agama
 - iii. Rancangan Khas Sukan
 - iv. Rancangan Khas Intergrasi
 - v. Rancangan Model Khas (Rendah/Menengah)
- f) Ibu bapa / penjaga mereka bertugas di luar negara.
- g) Kes-kes Khas (Arahan-arahan khas daripada Kementerian Pendidikan / Pengarah Pendidikan Negeri)



BAB 1

PENGENALAN

- 1.1 Akta Pelajaran 1996 Bahagian IV, Bab 12, seksyen 64 dan 66 – Penyediaan Kemudahan dan Perkhidmatan menyatakan tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan bantuan termasuklah tempat tinggal (asrama) kepada murid yang berkelayakan untuk kesejahteraan dan pendidikan murid.
- 1.2 Berdasarkan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) 2010, Piawai Kualiti Asrama Harian (PKAH) 2007 dan Dokumen Program Transformasi Asrama Harian KPM 2013-2020, maka BPSH menggubal Standard Kualiti Pengurusan Asrama (SKPA) 2015 yang terdiri daripada lima standard, iaitu :

STANDARD 1	Kepimpinan, Hala Tuju dan Pentadbiran Asrama
STANDARD 2	Pembangunan Sahsiah, Pengurusan Aktiviti & Program Murid
STANDARD 3	Pengurusan Prasarana / Fizikal
STANDARD 4	Kemenjadian Murid
STANDARD 5	Pematuhan Kontrak Kerajaan

- 1.3 Kelima-lima standard tersebut digunakan untuk mengukur tahap keberkesanan pengurusan sesebuah asrama. Setiap standard terdiri daripada satu senarai aspek. Setiap aspek terdiri daripada kriteria kritikal. Bagi setiap kriteria kritikal, disediakan deskripsi skor yang mengandungi indikator kualiti yang menjadi panduan dalam penentuan skor.

- 1.4 Selain itu, SKPA ini juga digubal dengan mengambil kira dan dimasukkan elemen-elemen atau inisiatif yang dinyatakan dalam Transformasi Asrama Harian (TAH) 2013-2020.
- 1.5 SKPA membolehkan pengurusan asrama membuat penarafan sendiri bagi mengetahui prestasi dan tahap pengurusan asrama masing-masing. Melalui SKPA juga pihak pengurusan dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan untuk dianalisis bagi merancang program pemajuan asrama selaras dengan inisiatif TAH secara berterusan.
- 1.6 Sesebuah asrama juga akan dibuat penarafan BAND yang merupakan salah satu inisiatif TAH yang diambil daripada skor komposit sesebuah asrama iaitu 80% SKPA + 20% GPA.
- 1.7 Dokumen SKPA 2015 ini mengandungi lima bab seperti yang berikut :

Bab 1	Pengenalan
Bab 2	Panduan Penggunaan SKPA 2015
Bab 3	Panduan Pengiraan SKPA 2015
Bab 4	Instrumen SKPA 2015
Bab 5	Deskripsi Skor

- 1.8 SKPA 2015 terdiri daripada lima (5) standard dan 74 aspek serta wajaran yang ditetapkan seperti **Jadual 1** :

Jadual 1 : SKPA 2015 – Bilangan Aspek dan Wajaran Mengikut Standard

	Standard	Jumlah Aspek	Wajaran (%)
Standard 1	Kepimpinan, Hala Tuju dan Pentadbiran Asrama		
	• <i>Kepimpinan</i>	17	20%
	• <i>Hala Tuju</i>		
	• <i>Pentadbiran/Pengurusan</i>		
Standard 2	Pembangunan Sahsiah, Pengurusan Aktiviti & Program Murid		
	• <i>Pembangunan Sahsiah</i>	14	30%
	• <i>Akademik</i>		
	• <i>Sosial</i>		
	• <i>Kepimpinan Murid</i>		
	• <i>Kokurikulum</i>		
• <i>Kokurikulum</i>			
Standard 3	Pengurusan Prasarana / Fizikal	10	20%
Standard 4	Kemenjadian Murid		
	• <i>Akademik</i>	22	20%
	• <i>Kokurikulum & Sukan</i>		
	• <i>Sahsiah & Disiplin</i>		
	• <i>Pengurusan Diri/Imej Asrama</i>		
• <i>Pengurusan Diri/Imej Asrama</i>			
Standard 5	Pematuhan Kontrak Kerajaan		
	• <i>Bantuan Makanan Asrama (BMA)</i>	11	10%
	• <i>Pembersihan Kawasan</i>		
	• <i>Kawalan Keselamatan</i>		
• <i>Kawalan Keselamatan</i>			
	Jumlah	74	100%



BAB 2

PANDUAN PENGGUNAAN SKPA 2015

2.1 Pendahuluan

- 2.1.1 Bab ini menjelaskan langkah dan cara penggunaan instrumen SKPA 2015 dalam melaksanakan penilaian pengurusan asrama sekolah. Instrumen ini digunakan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), KPM dalam membuat penetapan Band Asrama dan pihak asrama dalam Penarafan Kendiri Asrama (PKA). Selain itu, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) boleh menggunakan instrumen ini sebagai garis panduan dalam merangka dan melaksana program pemajuan asrama sekolah.
- 2.1.2 Bagi membolehkan penilaian dilaksanakan dengan tepat, pengguna instrumen hendaklah meneliti dan memahami keseluruhan dokumen SKPA 2015. Di samping itu, Pelan Transformasi Asrama Harian, KPM 2013 – 2020, Modul Pembangunan Murid Asrama (MPMA), terma dan spesifikasi kontrak serta Surat Pekeliling Ikhtisas dan Surat Pekeliling Kewangan yang sedang berkuatkuasa berkaitan dengan pengurusan asrama, hendaklah dijadikan rujukan semasa menggunakan SKPA 2015.

2.2 Panduan Penilaian

- 2.2.1 Dalam penilaian asrama berdasarkan SKPA 2015, prestasi pengurusan asrama dinilai mengikut lima standard yang ditetapkan. Setiap standard mempunyai sebilangan aspek. Penilaian setiap aspek dibuat berdasarkan skala enam skor; skor 1 adalah minimum manakala skor 6 adalah maksimum. Pemerihalan skala secara umum adalah seperti **Jadual 2** :

Jadual 2 : *Pemerihalan Skala*

Skor	Taraf	Deskripsi Umum
6	<i>Cemerlang</i>	Kekuatan keseluruhan yang sangat jelas dan mempunyai nilai tambah, mendapat pengiktirafan dan boleh menjadi contoh kepada sekolah lain.
5	<i>Baik</i>	Kekuatan keseluruhan yang sangat jelas.
4	<i>Harapan</i>	Banyak kekuatan yang melebihi keperluan minimum.
3	<i>Memuaskan</i>	Banyak kekuatan yang memenuhi keperluan minimum
2	<i>Lemah</i>	Sedikit kekuatan tetapi terdapat banyak kelemahan
1	<i>Sangat Lemah</i>	Banyak kelemahan yang memerlukan tindakan pembedahan dengan segera

- 2.2.2 Setiap aspek dinilai berpandukan deskripsi skor yang disediakan. Deskripsi bagi skor 1, 3 dan 5 dinyatakan dengan spesifik manakala skor 2, 4 dan 6 dinyatakan secara umum. Pengguna hendaklah meneliti deskripsi skor sebelum menentukan skor bagi setiap aspek.
- 2.2.3 Dalam deskripsi skor, terdapat frasa berunsur kekerapan atau kuantiti. Bagi frasa tersebut, tafsiran hendaklah dibuat berdasarkan **Jadual 3**.

Jadual 3 : *Julat Peratus bagi Kekerapan atau Kuantiti*

Kekerapan / Kuantiti	Peratus
<i>Keseluruhan</i>	90-100
<i>Hampir Keseluruhan</i>	80-89
<i>Sebahagian Besar</i>	70-79
<i>Kebanyakan</i>	50-69
<i>Sebahagian Kecil</i>	25-49
<i>Sangat Sedikit</i>	0-24

- 2.2.4 Skor standard ditentukan berdasarkan jumlah skor semua aspek dalam standard berkenaan. Skor keseluruhan pula ditentukan dengan menjumlahkan skor semua standard mengikut wajaran yang ditetapkan. Taraf pencapaian bagi sesuatu standard dan sesebuah asrama secara keseluruhan ditafsirkan menurut **Jadual 4** :

Jadual 4 : *Tafsiran Pencapaian*

Peratus Pencapaian	Taraf Pencapaian
90-100	<i>Cemerlang</i>
80-89	<i>Baik</i>
60-79	<i>Harapan</i>
40-59	<i>Memuaskan</i>
20-39	<i>Lemah</i>
0-19	<i>Sangat Lemah</i>

2.3 Kaedah Pengiraan Skor Komposit

Pengiraan skor komposit adalah gabungan antara Gred Purata Asrama (GPA) dan Standard Kualiti Pengurusan Asrama (SKPA). Untuk mendapatkan skor komposit, 80% adalah daripada SKPA manakala 20% adalah daripada GPA.

$$\text{SKOR KOMPOSIT} = 80\% \text{ SKPA} + 20\% \text{ GPA}^*$$

* *Peratus GPA ini adalah GPA peperiksaan awam (UPSR @ SPM) tahun sebelum*

Bagi mendapatkan nilai di atas, GPA peperiksaan awam di sekolah perlu ditukarkan terlebih dahulu kepada bentuk peratus. Untuk tujuan ini, Peperiksaan awam yang diambilkira ialah UPSR bagi asrama sekolah rendah manakala SPM untuk asrama sekolah menengah.

Peperiksaan	UPSR	SPM	STPM
UPSR	100%		
SPM		100%	

Formula penukaran GPA kepada bentuk peratusan adalah seperti di bawah :

Peperiksaan	FORMULA
UPSR	$(1-(GPA-1)/4) \times 100$
SPM	$(1-(GPA)/9) \times 100$

Contoh Penentuan Skor Komposit

1. Contoh Asrama Sekolah Rendah :
 - i. Keputusan SKPA = 96.8%
 - ii. Keputusan peperiksaan adalah seperti berikut:

Peperiksaan	2014	Peratus
UPSR	1.70	$(1-(1.700-1)/4) \times 100$ $= (1-(0.70/4) \times 100$ $= 1 - 0.175 \times 100$ $= 0.825 \times 100$ $= \mathbf{82.5}$

$$\text{SKPA} = 96.8 \times 80\% = \mathbf{77.44\%}$$

$$\text{GPA} = 82.50 \times 20\% = \mathbf{16.50\%}$$

$$\text{Skor komposit 2015} : 77.44 + 16.50 = \mathbf{\underline{93.94\%}}$$

2. Contoh Asrama Sekolah Menengah :

- i. Keputusan SKPA = 96.8%
- ii. Keputusan peperiksaan adalah seperti berikut:

Peperiksaan	2014	Peratus
SPM	2.08	$(1 - (2.08/9)) \times 100$ $= (1 - (2.08/9)) \times 100$ $= 1 - 0.231 \times 100$ $= 0.769 \times 100$ $= \mathbf{76.9}$

$$\text{SKPA} = 96.8 \times 80\% = \mathbf{77.44\%}$$

$$\text{GPA} = 76.9 \times 20\% = \mathbf{15.38\%}$$

$$\text{Skor komposit 2015} : 77.44\% + 15.38\% = \mathbf{\underline{92.82\%}}$$

2.4 Penetapan BAND Asrama

Penetapan BAND bagi sesebuah asrama adalah berdasarkan Skor Komposit yang diperolehi dan berdasarkan Jadual Penentuan BAND bagi asrama sekolah menengah dan asrama sekolah rendah di bawah :

BAND	Markah Penentuan BAND	
	SM	SK
1	≥ 80	≥ 75
2	75 – 79.99	70 – 74.99
3	70 – 74.99	65 – 69.99
4	60 – 69.99	55 – 64.99
5	50 – 59.99	45 – 54.99
6	40 – 49.99	35 – 44.99
7	≤ 39.99	≤ 34.99

Contoh :

- i. Asrama Sekolah Rendah :
SKOR KOMPOSIT : 93.94% = BAND 1
- ii. Asrama Sekolah Menengah :
SKOR KOMPOSIT : 92.82% = BAND 1

2.5 Penarafan Asrama (Kendiri dan Pemastian)

Bagi melaksanakan Penarafan Asrama, pihak pengurusan asrama hendaklah :

- 2.5.1 Menubuhkan pasukan petugas SKPA untuk melaksanakan **PENARAFAN SECARA KENDIRI**.
- 2.5.2 Meneliti dan memahami kandungan SKPA secara terperinci dan menyeluruh
- 2.5.3 Mengumpul segala bukti bagi setiap aspek yang dinilai melalui semakan dokumen, pemerhatian, temu bual dan soal selidik
- 2.5.4 Menentukan skor bagi setiap aspek secara kolektif berpandukan deskripsi skor dalam instrumen SKPA
- 2.5.5 Membuat pengiraan skor bagi setiap standard dan skor keseluruhan
- 2.5.6 Menyediakan rumusan Penarafan Kendiri Asrama dengan menyatakan kekuatan, kelemahan dan isu.
- 2.5.7 Pihak PPD/JPN/KPM akan hadir ke sekolah untuk membuat pemastian berdasarkan hasil Penarafan Kendiri yang dilaksanakan oleh sekolah dan mengesahkan BAND asrama yang diperolehi.
- 2.5.8 Pihak sekolah akan diminta memberikan penjelasan secara bertulis sekiranya terdapat perbezaan ketara antara penarafan sendiri dan pemastian yang dibuat oleh PPD/JPN/KPM (>15% markah).

2.6 Panduan Senarai Dokumen/Bahan Untuk Semakan

BIL	DOKUMEN / BAHAN
STANDARD 1 : Kepimpinan, Hala Tuju Dan Pengurusan Asrama	
Kepimpinan	
1	Minit Mesyuarat Pengurusan (Agenda Pengurusan Asrama)
2	Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja
3	Fail Aktiviti
4	Buku Laporan Pemantauan Pentadbir
5	Carta Organisasi Asrama
6	Takwim
Hala Tuju	
1	Visi Dan Misi Dipamerkan Dan Didokumentasikan
2	Perancangan Strategik Asrama
3	Dokumentasi
Pentadbiran/Pengurusan Asrama	
1	Minit Mesyuarat Pengurusan
2	Carta Organisasi
3	Laporan Audit
4	Minit Mesyuarat Kewangan
5	Senarai Semak Pemantauan Dan Pelaporan
6	Dokumentasi
7	Laporan Harian Warden, Penyelia Asrama Dan PPM
8	Data SMA, SSDM-a, APDM, Data Prestasi
9	Laporan Kendiri Dewan Makan
10	Fail Pengurusan Dewan Makan.
11	Profil Murid
12	Fail Pengurusan Akademik

BIL	DOKUMEN / BAHAN
STANDARD 2 : Pembangunan Sahsiah, Pengurusan Aktiviti & Program Murid	
Pembangunan Sahsiah	
1	Buku Kehadiran Murid
2	Buku Pemantauan Guru / Pentadbir
3	Jadual Bertugas (Guru / Ibu Bapa)
4	Buku Laporan Tindakan Pelajar Tidak Hadir
5	Buku Takwim / Perancangan
6	Buku Program Homeroom
7	Senarai Nama Homeroom
8	Jadual Perjumpaan
9	Rekod Profil Murid
10	Garis Panduan Perjumpaan
11	Buku Laporan Kerosakan Asrama
12	Laporan Disiplin Asrama
13	Surat-surat Berkaitan
Akademik	
1	Jadual Guru Bertugas
2	Buku Kehadiran Guru Bertugas
3	Buku Kehadiran Ibu Bapa
4	Buku Kehadiran Pelajar
5	Buku Laporan Guru Bertugas
6	Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pos
7	Laporan Pencapaian Akademik
Sosial	
1	Minit Mesyuarat Asrama
2	Fail Profil Murid
3	Kad Merit pelajar
4	Bahan-bahan Dokumentasi
5	Kertas Kerja
6	Keadaan Maujud Yang Baik Di Asrama. Contoh: Tilam Bebas Contengan, (Pemerhatian Asrama Yang Ceria Bebas Kerosakan Harta Benda/Vandalisme)
7	Fail Disiplin Pelajar Asrama

8	Kertas Kerja
9	Laporan/Dokumentasi Program
Kepimpinan Murid	
1	Fail Mesyuarat
2	Minit Mesyuarat
3	Surat/Watikah Perlantikan
4	Pelaporan/Dokumentasi Program
5	Kertas Kerja Program
Kokurikulum	
1	Sijil Pencapaian/Sijil Penyertaan/Surat Penghargaan
2	Piala/Medal/Hadiah
3	Keratan Akhbar (jika ada)
4	Dokumentasi / Laporan
5	Kertas Kerja Program
6	Surat-surat Berkaitan

BIL	DOKUMEN / BAHAN
STANDARD 3 : Pengurusan Prasarana / Fizikal	
1	Carta Organisasi : Bilik-bilik Penginapan, Bilik-bilik Khas, Pejabat Pengurusan Asrama.
2	Visi, Misi Dan Piagam Pelanggan Pengurusan Asrama.
3	Rekod-rekod Inventori
4	Rekod-rekod Penyeliaan Dan Pemantauan
5	Peraturan-peraturan Penggunaan Dan Keselamatan.
6	Jadual Dan Rekod Penggunaan.
7	Jadual-jadual Bertugas.
8	Jadual Menu Makanan Asrama.
9	Maklumat Staf Dan Penghuni Asrama.
10	Rekod Pengurusan Kemudahan Asrama (Aduan Dan Tindakan).
11	Dokumentasi Program Dan Aktiviti Asrama.
12	Pelan Laluan Kecemasan Kebakaran
13	Nombor-nombor Talian Kecemasan (Agensi Berkaitan).
14	Buku Laporan Harian Warden.

BIL	DOKUMEN / BAHAN
STANDARD 4 : Kemenjadian Murid	
Akademik	
1	Analisa Peperiksaan Awam Murid Asrama -Individu (GP Individu)
2	Analisa Peperiksaan Awam Murid Asrama –Sekolah (GPA)
3	<i>Head Count</i> Murid Asrama
4	Gred Purata Setiap Mata Pelajaran
Kokurikulum & Sukan	
1	Analisa Pencapaian Murid Asrama Dalam Kokurikulum, Kelab/Persatuan , Badan Uniform, Sukan & Permainan
2	Gred Purata – Kelab/Persatuan , Badan Uniform, Sukan Dan Permainan
3	Laporan Pencapaian Murid Asrama Dalam Aktiviti Kokurikulum
Sahsiah & Disiplin	
1	Analisa Disiplin : Kesalahan Berat
2	Analisa Disiplin : Kesalahan Sederhana
3	Analisa Disiplin : Kesalahan Ringan
4	Analisa Kehadiran Murid Asrama
Pengurusan Diri / Imej	
1	Jadual Perancangan Aktiviti
2	Pelaporan Aktiviti

BIL	DOKUMEN / BAHAN
STANDARD 5 : Pematuhan Kontrak Kerajaan	
Bekalan Makanan Bermasak (BMB)	
Pengurusan Dokumen	
1	Surat Setuju Terima (SST)
2	Dokumen Perjanjian Kontrak Bekalan Makanan Bermasak
3	Surat Siaran Dan Surat Pekeliling Yang Berkaitan
4	Borang Pesanan (Jadual 8)
5	Laporan Bulanan (Format 2 / Lampiran B)
6	Laporan Harian (Format 1 / Lampiran A)
7	Laporan Prestasi Kontraktor (Format 3 / Lampiran C)
8	Borang Maklumat Pekerja (Format 4)
9	Rekod Maklumat Pekerja (Format 5)
10	Laporan Perubatan Bagi Pengendalian Makanan (Format 6)
11	Dan Lain-Lain Yang Berkaitan Merujuk Kepada Buku Panduan Pelaksanaan Kontrak Bekalan Makanan Bermasak
Pengurusan Pekerja	
1	Borang Pengambilan Pekerja
2	Garis panduan Penilaian Prestasi Kerja (Format 7)
3	Sijil Menghadiri Kursus Pengendalian Makanan.
4	Borang Maklumat Pekerja (Format 4)
5	Rekod Maklumat Pekerja (Format 5)
6	Laporan Perubatan Bagi Pengendalian Makanan (Format 6)
Pematuhan Spesifikasi Kerja	
1	Panduan Pencucian Premis (Lampiran A)
2	Daftar Pemeriksaan Bahan Mentah Kering-Mingguan (Format 9)

Bahan Mentah Basah dan Bahan Mentah Kering	
1	Laporan Harian (Format 1 / Lampiran A)
2	Senarai Barang Kering Yang Digunakan [Klausa 2(a)(iv)] – Jadual E
Ruang Dapur	
1	Panduan Pencucian Premis (Lampiran A)
Kebersihan Bangunan & Kawasan (KBK)	
Pengurusan Dokumen	
1	Surat Setuju Terima (SST)
2	Dokumen Perjanjian Perkhidmatan Kebersihan Bangunan Dan Kawasan
3	Borang BPPA KBK 1 – Borang Pelaksanaan Perkhidmatan dan Pengurusan Pekerja Bagi Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan
4	Borang BPPA KBK 2 – Borang Pengesahan Bilangan Pekerja dan Rekod Ketidakhadiran Pekerja Bagi Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan
5	Borang BPPA KBK 3 – Borang Pengesahan Pembekalan Bahan dan Peralatan Bagi Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan
Pengurusan Pekerja	
1	Maklumat Profil Pekerja
2	Rekod Pekerja
Pematuhan Spesifikasi Kerja	
1	Lampiran B – Skop Perkhidmatan
2	Kad Tugas Harian
Kawalan Keselamatan	
Pengurusan Dokumen	
1	Surat Setuju Terima (SST)
2	Dokumen Perjanjian Kontrak Kawalan Keselamatan
3	Profil Pengawal Keselamatan
4	Buku Laporan Keluar Masuk
5	Rekod Kehadiran Pengawal Bertugas

6	Rekod Rondaan Pengawal (Watchman Clock)
7	Laporan Harian
8	Senarai Keanggotaan Pengawal, Syif Atau Giliran Dan Tempoh Kawalan Bagi Perkhidmatan Yang Dijalankan (Lampiran E)
Pengurusan Pekerja	
1	Laporan Pemantauan
2	Senarai Peralatan Yang Digunakan Dalam Perkhidmatan Kawalan Keselamatan – Lampiran G
3	Surat Pengesahan Pelantikan
Pematuhan Spesifikasi Kerja	
1	Skop Perkhidmatan – Lampiran B

- Dokumen yang dinyatakan di atas hanya sebagai panduan dan bukan mandatori. Pihak sekolah boleh menggunakan borang/format lain sebagai bukti. Begitu juga PPD/JPN/KPM semasa membuat pemastian boleh meminta pihak sekolah untuk menyediakan dokumen lain yang diperlukan.



BAB 3

PANDUAN PENGIRAAN SKPA 2015

3.1 Panduan Pengiraan

Terdapat beberapa kaedah dan cara pengiraan yang digunakan untuk menentukan markah bagi setiap standard dan aspek.

3.1.1 Kaedah Skor Standard

Kaedah Skor Standard ini digunakan untuk pengiraan **STANDARD 1, STANDARD 2, STANDARD 3, STANDARD 4 (4.3 & 4.4)** dan **STANDARD 5**.

Bagi aspek 4.3 : Kemenjadian Sahsiah Murid, pengiraan skor aspek hendaklah mengambil kira murid seperti yang berikut :

- i. Aspek 4.3a - Sikap dan Perlakuan : Pengiraan mengambil kira semua murid kecuali murid prasekolah.
- ii. Aspek 4.3b hingga 4.3d - Disiplin Murid : Pengiraan mengambil kira semua murid dalam enrolmen asrama
- iii. Aspek 4.3e - Kehadiran Murid : Pengiraan mengambil kira semua murid dalam enrolmen asrama

Langkah Pengiraan

Langkah pengiraan skor standard adalah seperti yang berikut :

- i. beri skor kepada setiap aspek
- ii. jumlahkan semua skor aspek
- iii. kira skor min standard (tepat kepada dua tempat perpuluhan)
- iv. kira peratus skor standard dengan menggunakan formula pengiraan skor standard :

$$\frac{(x - 1) \times 100\%}{(y - 1)}$$

(x = skor min standard; y = skor maksimum)

Contoh

Contoh pengiraan skor standard bagi bagi Standard 1 adalah seperti **Jadual 5** :

Jadual 5 : Contoh Pengiraan Skor Standard 1

NO. ASPEK	ASPEK	KRITERIA KRITIKAL	Skor
1.1.1	Gaya kepimpinan	Memiliki gaya kepimpinan yang dapat membawa seluruh warga sekolah dan asrama ke arah pencapaian kecemerlangan	4
1.1.2	Kemahiran memotivasi dan menggerakkan warga sekolah	Kepimpinan sekolah memotivasikan warga asrama untuk meningkatkan kualiti kerja yang cemerlang	5
1.1.3	Konsep "Kemenjadian Murid Asrama Tanggungjawab Bersama"	Kepimpinan sekolah memberi keutamaan kepada konsep "Kemenjadian Murid Asrama Tanggungjawab Bersama" secara bersepadu.	4
1.1.4	Budaya Penyayang dan Kekeluargaan	Kepimpinan sekolah mengamalkan budaya penyayang dan kekeluargaan dalam kalangan warga asrama.	3
1.1.5	Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling	Kepimpinan sekolah memperkasa perkhidmatan guru bimbingan dan kaunseling terhadap murid asrama.	5
Jumlah Skor Diperolehi			21
Skor Min			4.2
Peratus Pencapaian			64.00%
Taraf Pencapaian			Harapan
Peratus Pencapaian Menurut Wajaran (5%)			3.20%

Pengiraan skor standard 1 berdasarkan formula :

Jumlah skor diperolehi : **21**

$$\text{Skor Min} = \frac{\text{Jumlah Skor}}{\text{Bilangan Aspek}} = \frac{21}{5} = \mathbf{4.20}$$

$$\text{Peratus Pencapaian} = \frac{(x-1)}{(y-1)} \times 100\% \quad (x = \text{skor min standard; } y = \text{skor maksimum})$$

$$= \frac{(4.20 - 1)}{(6-1)} \times 100\%$$

$$= \frac{3.20}{5} \times 100\% = \mathbf{64.00\%}$$

$$\text{Peratus pencapaian menurut wajaran (5\%)} = \mathbf{64.00 \times 5\% = 3.20\%}$$

3.1.2 Kaedah Skor Standard (Skala 6 Skor) Kepada Peratus (%)

Kaedah pengiraan Skor Standard (Skala 6 Skor) Kepada Peratus (%) ini digunakan untuk pengiraan :

Aspek 4.1.1 (b)

Aspek 4.1.2 (b)

Aspek 4.2 (b), (e), (h) dan (k)

Langkah Pengiraan

Kaedah Penukaran Skor 1- 6 kepada peratus (%) mengikut wajaran

Contoh

$$\frac{X}{Y} \times 100 \times \% \text{ Wajaran} \quad (X = \text{Skor Diperolehi, } Y = \text{Skor Maksimum})$$

$$\frac{3}{6} \times 100 \times 1\% = \mathbf{0.5\%}$$

4		STANDARD 4 : KEMENJADIAN MURID		
4.1		Kemenjadian Akademik		
4.1.1		Kemenjadian Murid Sekolah Rendah (UPSR)		
NO. ASPEK	ASPEK	KRITERIA KRITIKAL	Pencapaian	
			Peratus	Wajaran
a.	Pencapaian murid dalam UPSR	Peratus murid mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam semua mata pelajaran UPSR terkini	%	2.5%
b.	Pencapaian murid dalam UPSR	Peratus murid mendapat Gred A dalam semua mata pelajaran UPSR terkini	(Skor 1-6)	1%
c.	Pencapaian murid dalam UPSR	GPA dinyatakan dalam bentuk peratus dalam UPSR terkini	%	2.5%
Jumlah Skor Diperolehi				6%

3.1.3 Kaedah Penggunaan Peratus (%) Mengikut Kriteria Kritikal

Kaedah penggunaan peratus (%) ini digunakan untuk pengiraan :

Aspek 4.1.1 (a)

Aspek 4.1.2 (a)

Aspek 4.2 (a), (d), (g) dan (j)

Langkah Pengiraan

Kaedah Penukaran % Kriteria Kritikal kepada peratus (%) mengikut wajaran

Contoh

$X \times \% \text{ Wajaran} \quad (X = \% \text{ Diperolehi})$

$50 \times 2.5\%$

$50 \times \frac{2.5}{100} = 1.25\%$

4	STANDARD 4 : KEMENJADIAN MURID			
4.1	Kemenjadian Akademik			
4.1.1	Kemenjadian Murid Sekolah Rendah (UPSR)			
			Pencapaian	
NO. ASPEK	ASPEK	KRITERIA KRITIKAL	Peratus	Wajaran
a.	Pencapaian murid dalam UPSR	Peratus murid mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam semua mata pelajaran UPSR terkini	%	2.5%
b.	Pencapaian murid dalam UPSR	Peratus murid mendapat Gred A dalam semua mata pelajaran UPSR terkini	(Skor 1-6)	1%
c.	Pencapaian murid dalam UPSR	GPA dinyatakan dalam bentuk peratus dalam UPSR terkini	%	2.5%
Jumlah Skor Diperolehi				6%

3.1.4 Kaedah Penggunaan Peratus (%) Mengikut Gred Purata Asrama (GPA)

Kaedah penggunaan peratus (%) mengikut Gred Purata Asrama (GPA) ini digunakan untuk pengiraan :

- Aspek 4.1.1 (c)*
- Aspek 4.1.2 (c)*
- Aspek 4.2 (c), (f), (i) dan (l)*

Langkah Pengiraan

Pengiraan Gred Purata Asrama (GPA) dan Penukaran GPA Kepada Bentuk Peratus (%)

Bagi aspek yang menggunakan Gred Purata Asrama (GPA) nilainya hendaklah dinyatakan dalam bentuk peratus. Semua pengiraan hendaklah dinyatakan tepat kepada dua tempat perpuluhan.

Contoh

A. Pengiraan GPA dan penukaran GPA kepada bentuk peratus bagi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

a. Pengiraan GPA bagi Kemenjadian Murid dalam Akademik :

Setiap gred diberi Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP). NGMP bagi UPSR adalah seperti dalam **Jadual 6**.

Jadual 6 : NGMP UPSR

Gred	NGMP
A	1
B	2
C	3
D	4
E	5

Contoh Pengiraan GPA Bagi Bidang Akademik Sekolah Kebangsaan

Berikut adalah contoh pengiraan GPA Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)

Langkah 1

Kirakan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) bagi setiap mata pelajaran.

Berikut adalah contoh pengiraan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (Penulisan) UPSR (**Jadual 7**). Dalam Contoh ini, bilangan murid tahun 6 adalah seramai 80 orang.

Jadual 7 : Contoh GPMP Bahasa Melayu (Penulisan) UPSR

Gred	NGMP (x)	Bil. Murid (y)	Bil. Murid x NGMP (xy)	GPMP
A	1	20	20	$= \frac{\text{Jumlah } xy}{\text{Jumlah Murid Tahun 6}}$ $= \frac{194}{80}$ $= \mathbf{2.43}$
B	2	26	52	
C	3	18	54	
D	4	12	48	
E	5	4	20	
Jumlah		80	194	

GPMP bagi mata pelajaran lain dalam UPSR dikira dengan cara yang sama seperti Langkah 1.

Langkah 2

Rumuskan GPMP bagi semua mata pelajaran untuk mengira Gred Purata

Berikut adalah contoh rumusan GPMP :

Jadual 8 : Contoh Gred Purata Sekolah untuk UPSR

Bil	Mata Pelajaran	Bil Murid	Bilangan Murid Mengikut Gred					GPMP
			A	B	C	D	E	
1	Bahasa Melayu (Penulisan)	80	20	26	18	12	4	2.43
2	Bahasa Melayu (Pemahaman)	80	30	10	24	14	2	2.35
3	Bahasa Inggeris	80	8	28	19	4	21	3.03
4	Matematik	80	42	13	17	2	6	1.96
5	Sains	80	15	35	20	7	3	2.35
							JUMLAH	12.12

- NGMP = Nilai Gred Mata Pelajaran

$$\begin{aligned} \text{GPA} &= \frac{\text{Jumlah GPMP}}{\text{Jumlah Mata Pelajaran UPSR}} \\ &= \frac{12.12}{5} \\ &= \mathbf{2.42} \end{aligned}$$

b. Penukaran GPA kepada bentuk peratus bagi UPSR

- i. GPA bagi UPSR dalam bentuk peratus
 Nilai GPA dalam UPSR adalah dari 1 hingga 5.

X = GPA yang diperoleh

$$\frac{(\text{GPA Maksimum}) - (\text{GPA diperolehi})}{(\text{GPA Maksimum} - 1)} \times 100$$

$$\frac{(5 - x)}{4} \times 100$$

Contoh : GPA diperolehi ialah 2.42

$$= \frac{5 - 2.42}{4} \times 100$$

$$= \frac{2.58}{4} \times 100$$

$$= 64.5\%$$

B. Pengiraan GPA dan Penukaran GPA kepada bentuk peratus bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

a. Pengiraan GPA Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) SPM adalah seperti dalam **Jadual 9** :

Jadual 9 : NGMP Sijil Pelajaran Malaysia

Gred	NGMP
A+	0
A	1
A-	2
B+	3
B	4
C+	5
C	6
D	7
E	8
G	9

Contoh Pengiraan GPA bagi SPM

Langkah 1

Kirakan GPMP bagi setiap mata pelajaran

Berikut dikemukakan contoh bagi mata pelajaran Bahasa Melayu SPM dengan jumlah murid seramai 217 orang.

Jadual 10 : Contoh GPMP Bahasa Melayu SPM

Gred	NGMP (x)	Bil. Murid (y)	Bil. Murid x NGMP (xy)	GPMP
A+	0	5	0	
A	1	5	5	
A-	2	22	44	
B+	3	41	123	= $\frac{\text{Jumlah } xy}{\text{Jumlah Murid}}$
B	4	25	100	
C+	5	27	135	= $\frac{1077}{217}$
C	6	23	138	
D	7	36	252	= 4.96
E	8	17	136	
G	9	16	144	
JUMLAH		217	1077	

GPMP bagi mata pelajaran lain dikira dengan cara yang sama

Langkah 2

Rumuskan GPMP bagi semua mata pelajaran untuk mengira GPA SPM

Berikut adalah contoh rumusan GPMP

Jadual 11 : Contoh GPA dalam SPM

Bil	Mata Pelajaran SPM	Bil Murid	Bilangan Murid Mengikut Gred										GPMP
			A+	A	A-	B+	B-	C+	C-	D	E	G	
1	Bahasa Melayu	217	5	5	22	41	25	27	23	36	17	16	4.96
2	Bahasa Inggeris	217	4	4	8	16	30	32	44	35	42	2	5.58
3	Sains	144	3	3	15	8	18	19	22	31	22	3	5.39
4	Matematik	217	10	10	9	7	14	7	19	27	54	60	6.52
5	Ekonomi Asas	142	2	3	6	3	9	6	24	30	56	3	6.47
6	Mat. Tambahan	127	4	4	8	14	10	14	21	19	22	11	5.56
7	Biologi	71	4	5	7	10	16	9	14	3	1	2	4.07
8	Fizik	73	2	3	8	13	11	14	12	1	0	9	4.55
9	Kimia	73	4	4	9	4	9	8	22	7	1	5	4.71
JUMLAH												47.81	

$$\begin{aligned} \text{GPA SPM} &= \frac{\text{Jumlah GPMP}}{\text{Jumlah Mata Pelajaran}} = \frac{47.81}{9} \\ &= 5.31 \end{aligned}$$

b. Penukaran GPA SPM kepada bentuk peratus

Nilai GPA dalam SPM adalah dari 0 hingga 9.

X = GPA diperolehi

$$\frac{(\text{GPA Maksimum} - \text{GPA Diperolehi}) \times 100}{\text{GPA Maksimum}}$$

$$\frac{(9 - x) \times 100}{9}$$

Contoh :

GPA diperolehi ialah 5.31

$$\frac{9 - 5.31}{9} \times 100$$

$$= \frac{3.69}{9} \times 100$$

$$= 41.00\%$$

C. Pengiraan GPA dan Penukaran GPA kepada Bentuk Peratus bagi Bidang Kokurikulum dan Sukan

Penentuan skor aspek dalam aktiviti kokurikulum dan sukan mengambil kira penyertaan murid pada semua peringkat, iaitu antarabangsa, kebangsaan, negeri, daerah, zon dan sekolah. Skor untuk aspek ini ditentukan berdasarkan peratus murid yang menyertai aktiviti kokurikulum dan sukan di peringkat berkenaan (diperoleh berdasarkan bilangan murid yang menyertai berbanding dengan bilangan keseluruhan murid).

a. Penentuan Skor Aspek untuk GPA bagi Bidang Kokurikulum

Nilai gred bagi pencapaian setiap bidang dan pencapaian keseluruhan aktiviti kokurikulum adalah seperti **Jadual 15**:

Jadual 15 : *Panduan Penentuan Nilai Gred*

Gred	Markah	Nilai Gred
A	80% - 100%	1
B	60% - 79%	2
C	40% - 59%	3
D	20% - 39%	4
E	11% ke bawah	5

Contoh Pengiraan GPA bagi Bidang Kokurikulum dan Sukan

Langkah 1

Dapatkan gred yang dicapai oleh setiap murid dalam setiap bidang dan pencapaian keseluruhan daripada buku Penilaian Kokurikulum bagi tahun sebelumnya atau tahun semasa yang lengkap.

Jadual 16 : Contoh Pengiraan Gred Pencapaian kokurikulum Seorang Murid

Nama :	No. K/P :			
Tingkatan :	Jantina :			
Aspek dinilai	Agihan markah	Badan Beruniform	Kelab & Persatuan	Sukan & Permainan
Kehadiran	50	50	45	50
Penglibatan	20	15	15	13
Pencapaian	20	10	5	15
Jawatan Disandang	10	3	5	10
Jumlah Markah	100	78	70	88
Gred		B	B	A
Purata markah = $\frac{78 + 70 + 88}{3} = 78.67$				

Catatan :

Panduan memberi markah adalah seperti yang diperincikan dalam Buku Panduan Penilaian Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah terbitan Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan, 1998.

Langkah 2

Rumuskan pencapaian semua murid seperti dalam **Jadual 17 & Jadual 18**

Jadual 17 : *Contoh Pencapaian Semua Murid dalam Kokurikulum*
(Bilangan Murid +- 2,000 orang)

Bidang	Bilangan Murid Mengikut Gred					Gred Purata
	A	B	C	D	E	
Kelab dan Persatuan	150	600	950	250	50	2.73
Badan Beruniform	90	120	80	1680	30	3.72
Sukan dan Permainan	200	910	760	130	0	2.41
Keseluruhan	146.67	543.33	596.67	686.67	26.67	2.95

Jadual 18 : *Contoh Pengiraan Gred Purata Kelab dan Persatuan*

Gred	Nilai Gred (x)	Bil. Murid (y)	Bil. Murid X Nilai Gred (xy)	Gred Purata Sekolah bagi Kelab dan Persatuan
A	1	150	150	$\frac{\text{Jumlah } xy}{\text{Jumlah Murid}}$ $= \frac{5450}{2000}$ $= 2.73$
B	2	600	1200	
C	3	950	2850	
D	4	250	1000	
E	5	50	250	
JUMLAH		2000	5450	

Langkah 3

Cara yang sama digunakan untuk mengira GPA bagi badan beruniform, sukan dan permainan dan keseluruhan.

Bagi contoh seperti dalam **Jadual 17** dan **Jadual 18** di atas, skor yang diperoleh oleh sekolah adalah seperti dalam **Jadual 19** :

Jadual 19 : Contoh skor asrama dalam kurikulum
(Bilangan murid = 2,000 orang)

Bidang	Bilangan Murid Mengikut Gred					Gred Purata
	A	B	C	D	E	
Kelab dan Persatuan	150	600	950	250	50	2.73
Badan Beruniform	90	120	80	1680	30	3.72
Sukan dan Permainan	200	910	760	130	0	2.41
Keseluruhan	146.67	543.33	596.67	686.67	26.67	2.95

b. Penukaran GPA kepada Bentuk Peratus bagi Bidang Kokurikulum dan Sukan

Nilai GPA dalam bidang kokurikulum ialah 1 hingga 5

$$\frac{(\text{GPA Maksimum} - \text{GPA Diperolehi}) \times 100}{(\text{GPA Maksimum} - 1)}$$

$$= \frac{(5 - x) \times 100}{4}$$

Contoh :

GPA diperolehi ialah 2.95

$$\frac{5 - 2.95}{4} \times 100$$

$$\frac{2.05}{4} \times 100$$

$$= 51 \%$$

Jadual 20 : Rujukan Kaedah Pengiraan Mengikut Standard dan Aspek

Bil	Standard	Aspek	Kaedah Pengiraan	Mukasurat
1	STANDARD 1	Semua Aspek	3.1.1 <i>Kaedah Skor Standard</i>	27
2	STANDARD 2	Semua Aspek	3.1.1 <i>Kaedah Skor Standard</i>	27
3	STANDARD 3	Semua Aspek	3.1.1 <i>Kaedah Skor Standard</i>	27
4	STANDARD 4	4.1.1 (b) 4.1.2 (b) 4.2 (b) (e) (h) dan (k)	3.1.2 <i>Kaedah Skor Standard (Skala 6 Skor) Kepada Peratus (%)</i>	29
		4.1.1 (a) 4.1.2 (a) 4.2 (a) (d) (g) dan (j)	3.1.3 <i>Kaedah Penggunaan Peratus (%) Mengikut Kriteria Kritikal</i>	30
		4.1.1 (c) 4.1.2 (c) 4.2 (c) (f) (i) dan (l)	3.1.4 <i>Kaedah Penggunaan Peratus (%) Mengikut Gred Purata Asrama (GPA)</i>	31
		4.3 4.4	3.1.1 <i>Kaedah Skor Standard</i>	27
		Semua Aspek	3.1.1 <i>Kaedah Skor Standard</i>	27



BAB 4

INSTRUMEN SKPA 2015

1	STANDARD 1 : KEPIMPINAN, HALA TUJU & PENGURUSAN ASRAMA		
1.1	Kepimpinan		
NO. ASPEK	ASPEK	KRITERIA KRITIKAL	Skor
1.1.1	<i>Gaya Kepimpinan</i>	Memiliki gaya kepimpinan yang dapat membawa seluruh warga sekolah dan asrama ke arah pencapaian kecemerlangan	(Skor 1-6)
1.1.2	<i>Kemahiran Memotivasi Dan Menggerakkan Warga Asrama</i>	Kepimpinan sekolah memotivasikan warga asrama untuk meningkatkan kualiti kerja yang cemerlang	(Skor 1-6)
1.1.3	<i>Konsep “Kemenjadian Murid Asrama Tanggungjawab Bersama”</i>	Kepimpinan sekolah memberi keutamaan kepada konsep “Kemenjadian Murid Asrama Tanggungjawab Bersama” secara bersepadu.	(Skor 1-6)
1.1.4	<i>Budaya Penyayang Dan Kekeluargaan</i>	Kepimpinan sekolah mengamalkan budaya penyayang dan kekeluargaan dalam kalangan warga asrama.	(Skor 1-6)
1.1.5	<i>Peranan Guru Bimbingan Dan Kaunseling</i>	Kepimpinan sekolah memperkasa perkhidmatan guru bimbingan dan kaunseling terhadap murid asrama.	(Skor 1-6)
		Jumlah Skor Diperolehi	
		Skor Min	
		Peratus Pencapaian	
		Taraf Pencapaian	
		Peratus Pencapaian Menurut Wajaran (5%)	

1	STANDARD 1 : KEPIMPINAN, HALA TUJU & PENGURUSAN ASRAMA		
1.2	Hala Tuju		
NO. ASPEK	ASPEK	KRITERIA KRITIKAL	Skor
Skor 6	<p>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</p> <p>Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengetua / Guru Besar dan GPK memastikan pengurusan pentadbiran pejabat asrama berfungsi dengan cekap, teratur dan berkesan supaya dapat memberi manfaat kepada murid asrama, staf dan komuniti lain.
Skor 5	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan pentadbiran dilaksanakan berdasarkan pekeliling, Akta dan siaran semasa . • Carta organisas disediakan yang terkini, bergambar dan dipamerkan. • Visi, Misi dan Piagam Pelanggan disediakan dan dipamerkan di lokasi strategik • Maklumat Staf dan penghuni asrama lengkap dan kemaskini. • Fail Meja / Senarai Tugas Staf dan AJK Biro disediakan. • Pengurusan fail dan rekod inventori diurus dengan sistematik dan kemaskini. • Kemudahan perabot yang sesuai dan diselenggara serta kelengkapan pejabat yang mencukupi. • Disediakan Buku-buku Panduan dan rekod penggunaan serta langkah keselamatan diambil bagi menjaga keselamatan harta dan dokumen kerajaan.
Skor 4	<p>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan pentadbiran dilaksanakan berdasarkan pekeliling, Akta dan siaran tetapi <u>tidak</u> semasa . • Carta organisasi disedia dan dipamerkan • Visi, Misi dan Piagam Pelanggan disediakan. • Maklumat Staf dan penghuni asrama lengkap. • Pengurusan fail dan rekod inventori diurus. • Kemudahan perabot dan kelengkapan pejabat disediakan. • Disediakan Buku-buku Panduan dan langkah keselamatan tidak diberil perhatian.
Skor 3	<ul style="list-style-type: none"> • Carta organisasi <u>tidak</u> disediakan. • Maklumat Staf dan penghuni asrama <u>tidak</u> lengkap.. • Kemudahan perabot dan kelengkapan pejabat <u>tidak</u> mencukupi. • Tiada Buku-buku Panduan disediakan dan langkah keselamatan tidak diberi perhatian.
Skor 2	<p>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Carta organisasi <u>tidak</u> disediakan. • Maklumat Staf dan penghuni asrama <u>tidak</u> lengkap.. • Kemudahan perabot dan kelengkapan pejabat <u>tidak</u> mencukupi. • Tiada Buku-buku Panduan disediakan dan langkah keselamatan tidak diberi perhatian.
Skor 1	<ul style="list-style-type: none"> • Carta organisasi <u>tidak</u> disediakan. • Maklumat Staf dan penghuni asrama <u>tidak</u> lengkap.. • Kemudahan perabot dan kelengkapan pejabat <u>tidak</u> mencukupi. • Tiada Buku-buku Panduan disediakan dan langkah keselamatan tidak diberi perhatian.

1.3	Pentadbiran Asrama
Aspek 1.3.6	Profil Murid
Kriteria Kritikal	<i>Kepimpinan Sekolah Menyelia Urus Profil Murid Supaya Mudah Diakses Dan Dimanfaatkan</i>
SKOR	DESKRIPSI SKOR
Skor 6	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i></p> <p>Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> Membangunkan satu sistem contoh kad pintar yang mengandungi maklumat penting termasuk maklumat kesihatan dan no. talian kecemasan (waris) yang boleh dihubungi dengan segera. Kad ini boleh di akses secara manual/ komputer.
Skor 5	<ul style="list-style-type: none"> Pengetua/Guru Besar/GPK memastikan keseluruhan pengurusan profil murid diurus dengan sistematik. Data dan maklumat mudah diakses, dianalisis dan boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan kualiti pengurusan asrama dan program peningkatan prestasi murid. Data dan maklumat murid lengkap dan dikemaskini. Menggunakan profil murid asrama sepenuhnya.
Skor 4	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i></p>
Skor 3	<ul style="list-style-type: none"> Pengetua/Guru Besar/GPK memastikan profil murid diurus . Data dan maklumat murid lengkap dan boleh diakses. Menggunakan e-profil murid asrama.
Skor 2	<p><i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3</i></p>
Skor 1	<ul style="list-style-type: none"> Tiada Profil Murid Pengetua/Guru Besar/GPK tidak memastikan profil murid diurus. Data dan maklumat murid tidak lengkap, tidak kemaskini dan sukar diakses.

1.3 Pentadbiran Asrama	
Aspek 1.3.7 Pengurusan KPI Transformasi Asrama Harian (TAH)	
Kriteria Kritikal	<i>Kepimpinan Sekolah Menerajui dan Memastikan Pencapaian KPI TAH</i>
SKOR	DESKRIPSI SKOR
Skor 6	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i></p> <p>Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai kebitaraan yang telah disahkan oleh JPN • Mewujudkan papan inovasi pencapaian dalam semua bidang yang murid.
Skor 5	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetua/Guru Besar/GPK, Guru Kanan matapelajaran dan guru-guru lain terlibat terus dalam penetapan KPI dan pelaksanaan pengurusan kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum di asrama dengan berkesan. • Mematuhi dasar/peraturan/surat pekeliling yang sedang berkuatkuasa. • Data Berkaitan KPI Lengkap dan diuruskan dengan baik dan kemaskini. • Ada KPI yang Ditetapkan (BAND, Enrolmen, Disiplin, GPA, SKPA, FJPN, Kebitaraan Asrama) Dan Diketahui Oleh Semua Warga Sekolah Dan Asrama
Skor 4	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengetua/Guru Besar/GPK dan Guru Kanan matapelajaran terlibat dalam penetapan KPI dan pelaksanaan pengurusan kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum di asrama.
Skor 3	<ul style="list-style-type: none"> • Data Berkaitan KPI Tidak Lengkap dan tidak diuruskan dengan baik dan tidak kemaskini. • Ada KPI yang Ditetapkan (BAND, Enrolmen, Disiplin, GPA, SKPA, FJPN, Kebitaraan Asrama)
Skor 2	<p><i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengetua/ Guru Besar tidak melibatkan semua pentadbir dalam pengurusan kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum di asrama.
Skor 1	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada data pencapaian prestasi/KPI dalam semua bidang murid asrama. • Tiada KPI yang ditetapkan (BAND, Enrolmen, Disiplin, GPA, SKPA, FJPN, Kebitaraan Asrama)

1.3	Pentadbiran Asrama
Aspek 1.3.8	Agensi Luar
Kriteria Kritikal	<i>Kepimpinan Sekolah Mewujudkan Hubungan Erat Dengan Agensi Luar</i>
SKOR	DESKRIPSI SKOR
Skor 6	<p><i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i></p> <p>Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan kebakaran bersama Bomba. • Program kesihatan bersama (Klinik Komuniti Kawasan/Hospital). • Program akademik bersama kolej/universiti • Brigade Komuniti/Pewaris.
Skor 5	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungan erat dengan agensi luar termasuk ibu bapa, pihak swasta, komuniti dan alumni diwujudkan melalui pelbagai cara. • Maklumat tentang program sekolah, pencapaian dan kejayaan asrama disebarkan secara berkesan untuk pengetahuan ibu bapa (Pewaris). • Agensi luar banyak memberi sumbangan dan sokongan kepada warga asrama bagi menggerakkan program-program asrama ke arah kecemerlangan.
Skor 4	<p><i>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ada hubungan dengan agensi luar termasuk ibu bapa (pewaris), pihak swasta, komuniti dan alumni.
Skor 3	<ul style="list-style-type: none"> • Maklumat tentang program sekolah, pencapaian dan kejayaan asrama disebarkan untuk pengetahuan ibu bapa (Pewaris). • Agensi luar memberi sumbangan dan sokongan kepada warga asrama bagi menggerakkan program asrama.
Skor 2	<p><i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3</i></p>
Skor 1	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungan dengan agensi luar termasuk ibu bapa (pewaris), pihak swasta, komuniti dan alumni tidak wujud. • Maklumat tentang program sekolah, pencapaian dan kejayaan asrama tidak disebarkan untuk pengetahuan ibu bapa (pewaris).

1.3	Pentadbiran Asrama
Aspek 1.3.9	Pengurusan Personel
Kriteria Kritikal	<i>Kepimpinan Sekolah Memastikan Pengurusan Personel Asrama Ditadbir Urus Secara Adil, Telus Dan Cekap.</i>
SKOR	DESKRIPSI SKOR
Skor 6	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i></p> <p>Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan kursus latihan asas personel baharu dan latihan peningkatan untuk personel lama peringkat sekolah dan daerah dengan kerjasama JPN/PPD.
Skor 5	<ul style="list-style-type: none"> Pengetua/Guru Besar mengenal pasti hampir keseluruhan potensi, kemahiran dan pengalaman guru dan anggota kumpulan pelaksana. Tugas diagihkan secara seimbang untuk meningkatkan kualiti kerja, berdasarkan kepakaran/ kemahiran. Prestasi kerja guru dan anggota kumpulan pelaksana dinilai secara sistematik. Hasil penilaian dimaklumkan secara adil dan telus kepada guru dan anggota kumpulan pelaksana yang berkenaan untuk penambahbaikan. Kerap memberi pengiktirafan/ penghargaan kepada warden, penyelia, PPM yang telah menunjukkan tahap kopetensi yang diperlukan dalam pengurusan asrama.
Skor 4	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Pengetua/Guru Besar mengenal pasti potensi, kemahiran dan pengalaman dalam kalangan guru dan anggota kumpulan pelaksana.
Skor 3	<ul style="list-style-type: none"> Tugas diagihkan dengan seimbang untuk meningkatkan kualiti kerja, memberi kepuasan dan keseronokan bekerja. Memberi pengiktirafan/ penghargaan kepada warden, penyelia, PPM yang telah menunjukkan tahap kopetensi yang diperlukan dalam pengurusan asrama.
Skor 2	<p><i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Pengetua/Guru Besar tidak mengenal pasti potensi, kemahiran dan pengalaman dalam kalangan guru dan anggota kumpulan pelaksana.
Skor 1	<ul style="list-style-type: none"> Tugas diagihkan tidak seimbang untuk meningkatkan kualiti kerja, memberi kepuasan dan keseronokan bekerja. Tidak memberi pengiktirafan/ penghargaan kepada warden, penyelia, PPM yang telah menunjukkan tahap kopetensi yang diperlukan dalam pengurusan asrama.



STANDARD 2

Pembangunan Sahsiah, Pengurusan Aktiviti & Program Murid

ITEM STANDARD

2.1 Pembangunan Sahsiah (10%)

2.1.1 Kerohanian/Keagamaan / Nilai Murni

2.1.2 Program "Homeroom"

2.1.3 Amalan dan Penerapan "Esprit de Corps"

2.2 Akademik (10%)

2.2.1 Kelas Persediaan Berfokus (Prep Malam)

2.2.2 Kelas Persediaan (Prep Siang)

2.2.3 Kemahiran Cara Belajar

2.2.4 Kelas Subjek Kritikal

2.3 Sosial (2.5%)

2.3.1 Aktiviti Masa Senggang

2.3.2 Kelas Bahasa Perpaduan (Komunikasi)

2.4 Kepimpinan Murid (2.5%)

2.4.1 Jawatankuasa/Biro Murid

2.4.2 Kepimpinan Dan *Softskill*

2.5 Kokurikulum (5%)

2.5.1 Kebitaraan Asrama

2.5.2 *Engagement* Antara Asrama

2.5.3 Penerokaan Aktiviti Baharu

STANDARD 2

PEMBANGUNAN SAHSIAH, PENGURUSAN AKTIVITI & PROGRAM MURID

2.1 Pembangunan Sahsiah

Aspek 2.1.1 Kerohanian / Keagamaan / Nilai Murni / Moral

Kriteria Kritikal

Murid Asrama Memperlihatkan Tingkah Laku Yang Positif

SKOR

DESKRIPSI SKOR

Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.

Contohnya:

Skor 6

- Program Imam Muda.
- Menyediakan modul tazkirah/kuliah Maghrib.
- Mengadakan Majlis Anugerah Sahsiah Tinggi.
- Pengurusan surau/ tempat ibadat yang kondusif. Contoh: Carta Organisasi Surau, Jadual Imam bertugas dan sebagainya.
- Atau Inisiatif lain yang sesuai.
(Nyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan sebagai justifikasi skor 6).

Skor 5

- Perancangan, pelaksanaan, Pemantauan dan Pelaporan program Keagamaan/Nilai murni dirancang mengikut takwim dengan **berkesan, dapat didokumentasikan serta dapat dicontohi**. Contoh: perancangan takwim, jadual solat berjemaah 5 waktu, Tazkirah/Kuliah Maghrib, Kelas Al-Quran/Halaqah, Bacaan Yasin bersama pentadbir, Ceramah Agama, Qiamulail, Solat Sunat, dan Sambutan Kebesaran Bulan Islam seperti Ihya Ramadan, Maulidur Rasul, Majlis Korban. Murid-murid bukan beragama Islam menjalankan program keagamaan mengikut kepercayaan agama masing-masing.
- Penglibatan pentadbir, warden, guru, PPM dan ibu bapa dalam pelaksanaan aktiviti **sangat baik** dan laporan guru/warden/Pembantu Pengurusan Murid (PPM) ibu bapa disediakan serta dikemas kini. Contoh: Ibu bapa menjadi imam dan memberi tazkirah.
- Tindakan diambil terhadap murid yang tidak menghadiri aktiviti dan dapat didokumentasikan serta dapat diteladani oleh murid asrama yang lain.
- Pemantauan daripada pihak pentadbir sekolah dan didokumentasikan
- Program Hafazan Murid Asrama dilaksanakan dengan cekap, berkesan, ada sasaran dan didokumentasikan

Skor 4

Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.

Skor 3

- Perancangan dan **perlaksanaan** program Keagamaan/Nilai murni/moral. Contoh: perancangan takwim, jadual solat berjemaah 5 waktu, Tazkirah/Kuliah Maghrib, Kelas Al-Quran/Halaqah, Bacaan Yasin bersama pentadbir, Ceramah Agama, Kiamulail, Solat Sunat, dan Sambutan Kebesaran Bulan Islam seperti Ihya Ramadan, Maulidur Rasul dan Majlis Korban.
- Penglibatan warden dan guru dalam pemantauan pelaksanaan aktiviti serta jadual bertugas dan laporan guru / warden bertugas **memuaskan**.
- Tindakan diambil terhadap murid yang tidak menghadiri aktiviti contohnya buku kehadiran murid asrama dan dikemas kini seperti surat amaran, kerja amal, sesi kaunseling, surat

panggilan ibu bapa, dan perjumpaan bersama ibu bapa.

- Pemantauan daripada pihak pentadbir sekolah dilaksanakan.
- Program Hafazan Murid Asrama dilaksanakan

Skor 2

Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3

- Perancangan program Keagamaan/Nilai murni/moral sangat sedikit. Contoh: perancangan takwim, jadual solat berjemaah 5 waktu, Tazkirah/Kuliah Maghrib, Kelas Al-Quran/Halaqah, Bacaan Yasin, Ceramah Agama, Kiamulaill, Solat Sunat, dan Sambutan Kebesaran Bulan Islam seperti Ihya Ramadan, Maulidur Rasul dan Majlis Korban.

Skor 1

- **Tiada** pemantauan pelaksanaan aktiviti. Contoh: jadual bertugas / buku laporan.
 - **Tiada** tindakan diambil terhadap murid yang tidak menghadiri aktiviti. Contoh: buku kehadiran aktiviti murid asrama
 - **Tiada** dokumentasi aktiviti keagamaan, kerohanian dan moral disediakan.
 - Program Hafazan Murid Asrama **tidak dilaksanakan**.
-

2.1	Pembangunan Sahsiah
Aspek 2.1.2	Program “Homeroom”
Kriteria Kritikal	<i>Mewujudkan Semangat Kekeluargaan Di antara Guru Dan Murid Asrama</i>
SKOR	DESKRIPSI SKOR
	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i></p>
Skor 6	<p>Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wujudnya kejelekitan antara guru penasihat homeroom dengan murid seperti panggilan “mama”, “papa”, “bonda”, “ayahanda”, “umi” dan sebagainya. • Program yang dijalankan di luar kawasan sekolah – ke majlis terbuka puasa, hari raya, berkelah bersama-sama keluarga guru penasihat dan lain-lain.
Skor 5	<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan murid dapat dikenal pasti oleh guru melalui hubungan rapat antara murid dengan guru penasihat. Contoh: kebajikan, akademik, kesihatan dan lain-lain. • Program dan aktiviti dijadualkan dan dilaksanakan dengan berkesan mengikut garis panduan yang disediakan <u>mengikut kebolehan kumpulan sasaran</u>. Contoh: Perjumpaan Pertama – Takruf. Perjumpaan Kedua – Analisis SWOT dan seterusnya. Maklumat Profil Pelajar dikemas kini. • Murid dibahagikan kepada kumpulan di bawah bimbingan guru penasihat <u>dengan lebih bersistematik</u>. • Sebahagian besar aktiviti didokumentasikan.
Skor 4	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i></p>
Skor 3	<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan murid dapat dikenal pasti oleh guru penasihat. • Jadual Perjumpaan dan laporan guru penasihat homeroom disediakan. • Sebahagian program dan aktiviti yang telah dijadualkan dan dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah disediakan. Contoh: Perjumpaan Pertama – Takruf. Perjumpaan Kedua – Analisis SWOT dan seterusnya. Maklumat Profil Pelajar dikemas kini. • Murid dibahagikan kepada kumpulan di bawah bimbingan guru penasihat.
Skor 2	<p><i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3</i></p>
Skor 1	<ul style="list-style-type: none"> • <u>Tiada</u> jalinan terapeutik (hubungan kemesraan) antara guru dengan murid. Contoh: borang soal selidik, peti cadangan dan rujukan guru. • <u>Tiada</u> Program dan aktiviti dirancang dan dilaksanakan. Contoh: Jadual Perjumpaan, Rekod homeroom (Profil Murid) dan Garis Panduan Perjumpaan. • <u>Tiada</u> penglibatan guru/warden. Contoh: jadual dan laporan guru/warden. • Murid <u>tidak</u> dibahagikan kepada kumpulan di bawah bimbingan guru penasihat. Contoh: Senarai Agihan Kumpulan.

2.1	Pembangunan Sahsiah
Aspek 2.1.3	Amalan & Penerapan “Esprit De Corps”
Kriteria Kritikal	<i>Memupuk Semangat Kekitaan dan Kerjasama</i>
SKOR	DESKRIPSI SKOR
	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i>
Skor 6	<p>Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gotong royong bersama-sama ibu bapa. • Mengadakan Hari Terbuka Asrama. • Mengadakan Program Taman atau Kawasan Angkat. (Nyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan sebagai justifikasi skor 6).
Skor 5	<ul style="list-style-type: none"> • Program dan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan dan didokumentasikan. Contoh takwim, kertas kerja yang lengkap • Sebahagian besar murid membudayakan ‘Esprit de Corps’, ditonjolkan penglibatan pihak ibu bapa, guru, dan murid. Contohnya: menunaikan solat secara berjemaah, Program Ihya’ Ramadan dan sebagainya. • Pemantauan daripada pihak pentadbir sekolah secara berkala. Contoh: Ada buku pemantauan. • Kadar kes vandalisme pada tahap minimum. Contoh: Pintu Tandas tidak rosak, kepala paip tidak patah, cermin tingkap tidak pecah, Tiada contengan dalam tandas, Pintu ‘locker’ tidak pecah, katil tidak patah dan sebagainya.
Skor 4	<i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i>
Skor 3	<ul style="list-style-type: none"> • Program dan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Contoh takwim, kertas kerja. • Kebanyakan Penglibatan dan bimbingan dari warden dan guru kaunseling dalam amalan dan penerapan ‘Esprit de Corps’ serta dapat menyediakan jadual dan laporan guru. Contoh: Jadual Kehadiran dalam setiap program seperti Tazkirah Murid, Bacaan Yasin dan Program Gotong Royong. • Pemantauan daripada pihak pentadbir sekolah dilaksanakan.
Skor 2	<i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3</i>
Skor 1	<ul style="list-style-type: none"> • Program dan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan pada tahap minimum. • Penglibatan dan bimbingan dari warden dalam amalan dan penerapan ‘Esprit de Corps’ pada tahap minimum.

STANDARD 2

PEMBANGUNAN SAHSIAH, PENGURUSAN AKTIVITI & PROGRAM MURID

2.2

Akademik

Aspek 2.2.1

Kelas Persediaan Berfokus (Prep Malam)

Kriteria Kritikal

Penglibatan Semua Dalam Aktiviti Pembelajaran Murid Asrama Secara Teratur

SKOR

DESKRIPSI SKOR

Skor 6

Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.

Contohnya:

- Keseluruhan guru terlibat bertugas di asrama.
- Bahan pembelajaran menggunakan kaedah seperti web site / frog VLE / Blog Asrama.

Skor 5

- Jadual kelas persediaan berfokus disediakan dan disusun dengan **berkesan**.
- Jadual dan laporan guru bertugas (bukan warden) hampir keseluruhan **dikemas kini**
- Buku kehadiran murid sentiasa **dikemas kini**.
- Bahan pembelajaran dan pengajaran disediakan untuk membantu pelajar mengulangkaji pelajaran. Contoh: buku latihan, modul, set soalan.
- .Penilaian aktiviti **dikemas kini** dan didokumentasi secara **sistematik**.
- Pemantauan daripada pihak pentadbir sekolah secara **berterusan**.
- Diurus dengan berkesan oleh GPK1, Ketua Bidang, Ketua Panitia

Skor 4

Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.

- Jadual kelas persediaan berfokus disediakan dan dipatuhi.
- Jadual guru bertugas dan laporan guru bertugas disediakan.
- Buku kehadiran murid **dilengkapkan**.
- Penilaian aktiviti dilaksanakan.
- Pemantauan pihak pentadbir sekolah dijalankan.
- Diselaraskan oleh GPK1

Skor 3

Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3

- Jadual kelas persediaan berfokus disediakan tetapi **tidak** lengkap.
- Jadual guru bertugas disediakan tetapi **tidak** dipatuhi.
- Buku kehadiran murid **tidak** disediakan.
- Laporan dan penilaian aktiviti **tidak** disediakan.
- Tiada Penglibatan GPK1

Skor 1

2.2 Akademik	
Aspek 2.2.2 Kelas Persediaan (Prep Siang)	
Kriteria Kritikal	<i>Penglibatan Semua Dalam Aktiviti Pembelajaran Murid Asrama Secara Teratur</i>
SKOR	DESKRIPSI SKOR
Skor 6	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Program khas. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i></p> <p>Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Program khas pada waktu siang seperti Teknik Menjawab. • Guru memberikan bimbingan secara berfokus pada waktu siang. (Nyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan sebagai justifikasi skor 6).
Skor 5	<ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan menyeluruh guru-guru akademik lain • Jadual dan laporan pengawasan guru/pembantu pengurusan murid dan pengawas asrama dikemaskini dan didokumentasi secara sistematik. • Buku kehadiran Murid asrama dikemaskini. • Pemantauan yang berterusan daripada pihak pentadbir.
Skor 4	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i></p>
Skor 3	<ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan guru akademik lain amat minima • Jadual dan laporan pengawasan warden/pembantu pengurusan murid dan pengawas asrama disediakan. • Buku kehadiran Murid asrama dilengkapkan.
Skor 2	<p><i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3</i></p>
Skor 1	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada penglibatan guru akademik lain • Dilaksanakan tanpa jadual dan laporan pengawasan. • Buku kehadiran Murid tidak disediakan.

2.2	Akademik
Aspek 2.2.3	Kemahiran Cara Belajar
Kriteria Kritikal	<i>Murid Asrama Menguasai Kemahiran Belajar Bagi Meningkatkan Pencapaian Akademik</i>
SKOR	DESKRIPSI SKOR
Skor 6	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i></p> <p>Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan Kajian Tindakan / Kajian Impak. Menggunakan tenaga kepakaran luar – ibu bapa / agensi luar. <p>(Nyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan sebagai justifikasi skor 6)</p>
Skor 5	<ul style="list-style-type: none"> Guru Bimbingan dan Kaunseling dan Biro Akademik merancang dan melaksanakan program kemahiran belajar secara berkesan. Contoh : penyediaan bahan dan modul kemahiran cara belajar. Murid menguasai Kemahiran Cara Belajar Penyediaan tempat yang kondusif untuk aktiviti. Mengadakan ujian pra dan ujian post. (Keputusan ujian disimpan dalam fail profil murid untuk mengesan prestasi murid dalam akademik). Laporan program oleh Guru Bimbingan dan kaunseling adalah sistematik. Pemantauan oleh pihak pentadbir sekolah. Menggunakan “waktu kualiti” asrama (Jumaat/Sabtu) tidak pulang bermalam
Skor 4	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Guru Bimbingan dan Kaunseling dan Biro Akademik merancang dan melaksanakan program kemahiran belajar. Contoh : penyediaan bahan dan modul. Murid kurang menguasai kemahiran cara belajar Penyediaan tempat yang sesuai untuk aktiviti. Laporan program oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling. Dilaksanakan secara “One-Off” bukan berterusan
Skor 3	<ul style="list-style-type: none"> Guru Bimbingan dan Kaunseling dan Biro Akademik merancang dan melaksanakan program kemahiran belajar. Contoh : penyediaan bahan dan modul. Murid kurang menguasai kemahiran cara belajar Penyediaan tempat yang sesuai untuk aktiviti. Laporan program oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling. Dilaksanakan secara “One-Off” bukan berterusan
Skor 2	<p><i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3</i></p>
Skor 1	<ul style="list-style-type: none"> Biro Akademik merancang aktiviti kemahiran belajar tetapi tidak berfungsi. Tiada murid asrama dapat pendedahan kemahiran belajar.

2.2	Akademik
Aspek 2.2.4	Kelas Subjek Kritikal
Kriteria Kritikal	<i>Murid Dapat Meningkatkan Pencapaian Dalam Subjek Kritikal</i>
SKOR	DESKRIPSI SKOR
	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain</i></p>
Skor 6	<p>Contohnyanya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelajar dibahagikan mengikut kumpulan atau keupayaan. • Penglibatan ibu bapa/ tenaga luar dalam pembelajaran dan pengajaran. (Nyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan sebagai justifikasi skor 6)
Skor 5	<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan pelan strategik, taktikal dan operasi dalam menangani subjek kritikal. • Jadual pelaksanaan kelas bimbingan disediakan dengan tersusun. • Mempunyai bahan pembelajaran. Contoh buku kerja, modul. • Jadual dan laporan guru mata pelajaran dikemaskini dan didokumentasikan. • Analisa keputusan subjek terlibat di kemaskini dan dibuat perbandingan. • Buku kehadiran murid dikemas kini. • Pemantauan daripada pihak pentadbir sekolah dilaksanakan.
Skor 4	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Analisa keputusan mata pelajaran dan nama murid terlibat disediakan. • Tajuk-tajuk sukar bagi mata pelajaran kritikal dikenal pasti.
Skor 3	<ul style="list-style-type: none"> • Jadual pelaksanaan kelas bimbingan disediakan tetapi tidak dipatuhi sepenuhnya. • Tempat yang disediakan sesuai. • Buku kehadiran murid disediakan. • Laporan program disediakan oleh guru mata pelajaran.
Skor 2	<p><i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3</i></p>
Skor 1	<ul style="list-style-type: none"> • Mata pelajaran kritikal dikenal pasti. • Analisa keputusan subjek terlibat disediakan.

STANDARD 2

PEMBANGUNAN SAHSIAH, PENGURUSAN AKTIVITI & PROGRAM MURID

2.3

Sosial

Aspek 2.3.1

Aktiviti Masa Senggang

Kriteria Kritikal

Merancang Dan Melaksana Aktiviti Yang Menyeronokkan Dan Mengurangkan Stress

SKOR

DESKRIPSI SKOR

Skor 6

Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.

Contohnya:

- Mengadakan program-program kerja amal.
- Program kolaborasi dengan komuniti setempat.
(Nyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan sebagai justifikasi skor 6)

Skor 5

- Penubuhan Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada pentadbir, warden, guru, murid asrama, penglibatan ibu bapa dan didokumentasikan.
- Mesyuarat untuk merancang aktiviti dan melaksanakan program mengikut takwim dan didokumentasikan. Contoh, sukan, hiburan dan bahan bacaan.
- Penyediaan tempat yang kondusif. Contoh: pusat sumber yang lengkap, bilik riadah, kemudahan dan peralatan sukan yang mencukupi serta selamat digunakan.
- Pemantauan dilaksanakan oleh pentadbir secara berkala dan didokumentasikan. Keadaan ini dapat dinilai daripada kes salah pelajar berkurangan seperti pelajar keluar tanpa izin (fly), vandalisme manakala pencapaian akademik meningkat.

Skor 4

Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.

Skor 3

- Penubuhan Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada murid asrama, warden dan guru.
- Mesyuarat untuk merancang dan melaksana aktiviti serta program dilaksanakan. Contoh, sukan, hiburan dan bahan bacaan.
- Penyediaan tempat yang sesuai. Contoh: pusat sumber, bilik riadah dan peralatan sukan.
- Pemantauan dilaksanakan oleh pentadbir.

Skor 2

Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3

Skor 1

- Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada murid asrama dan warden tidak berfungsi.
- Mesyuarat untuk merancang dan melaksanakan aktiviti serta program tidak dijalankan.
- Tempat dan peralatan tidak disediakan.
- Pemantauan tidak dilaksanakan.

2.3	Sosial
Aspek 2.3.2	Kelas Bahasa Perpaduan (Komunikasi)
Kriteria Kritikal	<i>Mewujudkan Perpaduan Melalui Bahasa</i>
SKOR	DESKRIPSI SKOR
	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. .saha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i></p> <p>Skor 6</p> <p>Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Program RIMUP. • Mengadakan aktiviti/pertandingan menggunakan bahasa kedua (selain B. Melayu & B. Inggeris). <p>(Nyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan sebagai justifikasi skor 6)</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Penghuni Asrama telah mengamalkan komunikasi pelbagai bahasa untuk berkongsi idea/maklumat dengan mengambil kira keperluan pelbagai bangsa / etnik / dialek untuk mewujudkan perpaduan. Contoh: soal jawab secara lisan. • Kepimpinan Asrama telah memanfaatkan pandangan yang berbeza dari pelbagai bangsa / etnik / dialek untuk perpaduan asrama. • Perancangan dan pembudayaan bahasa dilaksanakan dan didokumentasikan. • Program pengukuhan bahasa kedua (selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) dilaksanakan secara berkesan dan didokumentasikan. Contoh: Bahasa Arab, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dll.
	<p>Skor 5</p> <p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</i></p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam kalangan penghuni asrama telah wujud komunikasi pelbagai bahasa.. • Kepimpinan Asrama kurang memanfaatkan pandangan yang berbeza dari pelbagai bangsa / etnik / dialek untuk perpaduan asrama. • Wujudnya perancangan pembudayaan bahasa kedua tetapi tidak menyeluruh. • Program pengukuhan bahasa kedua telah dilaksanakan.
	<p>Skor 4</p> <p><i>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3</i></p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Penghuni asrama mengamalkan komunikasi satu bahasa sahaja. • Usaha pembudayaan bahasa kedua tidak dirancang . • Program pengukuhan bahasa untuk integrasi diwujudkan tetapi tidak sempurna.
	<p>Skor 3</p>
	<p>Skor 2</p>
	<p>Skor 1</p>

STANDARD 2

PEMBANGUNAN SAHSIAH, PENGURUSAN AKTIVITI & PROGRAM MURID

2.4

Kepimpinan Murid

Aspek 2.4.1

Jawatankuasa / Biro Murid

Kriteria Kritikal

Kepimpinan Jawatankuasa / Biro Murid Asrama Mengamalkan Gaya Kepimpinan Berkesan Untuk Menggembeng Tenaga Warga Asrama Ke Arah Pencapaian Matlamat Organisasi

SKOR

DESKRIPSI SKOR

Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.

Contohnya:

Skor 6

- Pelajar mengendalikan dan menguruskan sendiri program asrama seperti Hari Terbuka Asrama/Sukaneka/Sambutan Hari Lahir.
- Pelajar dapat menguruskan program berdasarkan biro asrama.
(Nyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan sebagai justifikasi skor 6)

Skor 5

- Jawatankuasa/Biro murid asrama mengikuti kursus kepimpinan/jati diri. Contoh: melatih pelajar menjadi imam dan bilal, majlis pemahsyuran ketua dorm asrama dengan berkesan dan sistematik.
- Jawatankuasa/Biro Murid asrama memahami dan mengamalkan gaya kepimpinan yang sesuai mengikut situasi.
- Jawatankuasa/Biro Murid asrama bertindak secara proaktif untuk melaksanakan perubahan ke arah tindakan pembetulan dan penambahbaikan.
- Jawatankuasa/Biro Murid asrama berpengetahuan luas untuk menjana idea yang bernas dan berkemahiran dalam memberi nasihat serta bimbingan.
- Jawatankuasa/Biro Murid asrama mengamalkan budaya, berdaya saing sebagai ikutan penghuni asrama.
- Jawatankuasa/Biro Murid asrama mendapat sokongan hampir keseluruhan warga asrama dan dipantau.

Skor 4

Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.

Skor 3

- Jawatankuasa/Biro Murid asrama mengikuti kursus kepimpinan / jati diri. Contoh: Melatih pelajar menjadi imam dan bilal, majlis pemahsyuran ketua dorm asrama dan sebagainya.
- Jawatankuasa/Biro Murid asrama memahami gaya kepimpinan yang sesuai mengikut situasi.
- Jawatankuasa/Biro Murid asrama melaksanakan perubahan ke arah penambahbaikan.
- Jawatankuasa/Biro Murid asrama berupaya memberi nasihat serta bimbingan dalam

pengurusan rutin.

- Jawatankuasa/Biro Murid asrama mendapat sokongan **kebanyakan** warga asrama dan dipantau.

Skor 2

Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3

Skor 1

- Jawatankuasa/Biro Murid asrama **tidak** memahami tugas dan peranannya.
 - Jawatankuasa/Biro Murid asrama **tidak** mampu melaksanakan perubahan ke arah penambahbaikan.
 - Jawatankuasa/Biro Murid asrama **kurang** berpengetahuan dan tiada berkemahiran untuk menjana idea dalam memberi nasihat serta bimbingan.
-

2.4 Kepimpinan Murid	
Aspek 2.4.2 Kepimpinan Dan Softskill	
Kriteria Kritikal	<i>Kepimpinan Asrama Mengamalkan Softskill Berkesan Untuk Perkongsian Idea Dan Maklumat.</i>
SKOR	DESKRIPSI SKOR
Skor 6	<p>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</p> <p>Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemimpin murid asrama boleh mengendalikan mesyuarat mengikut ketetapan. • Penyelesaian masalah mengambil kira semua pendapat. • Mengadakan sudut pidato / syarahan / tazkirah. <p>(Nyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan sebagai justifikasi skor 6)</p>
Skor 5	<ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan asrama mengamalkan softskill untuk berkongsi idea/maklumat untuk kemajuan asrama. Contoh: mengadakan program asrama penyayang, sayangi rakan, program pengucapan awam, program Asramaku Rumahku, Kem jati diri secara berkesan. • Kepimpinan murid asrama dan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) mengadakan perbincangan, pelaksanaan, pemantauan, penilaian, dan dokumentasi secara berkesan ke atas program yang dilaksanakan. • Kepimpinan murid asrama sedia mendengar dan memanfaatkan pandangan yang berbeza untuk kemajuan asrama. • Arahan yang disampaikan oleh pemimpin murid asrama jelas untuk membolehkan penghuni asrama melaksanakan tugas. • Softskill berkesan Kepimpinan asrama membolehkan penghuni asrama mengetahui dan memahami perkembangan terkini.
Skor 4	<p>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 3 dipenuhi. Terdapat banyak kekuatan yang nyata tetapi belum mencapai keseluruhan deskripsi skor 5.</p>
Skor 3	<ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan murid asrama mengamalkan softskill untuk berkongsi idea/maklumat untuk kemajuan asrama. Contoh: mengadakan program asrama penyayang, sayangi rakan, program pengucapan awam, program Asramaku Rumahku, Kem jati diri dan sebagainya. • Kepimpinan murid asrama sedia mendengar tetapi kurang memanfaatkan pandangan yang berbeza. • Arahan yang disampaikan oleh pemimpin asrama kurang jelas untuk membolehkan penghuni asrama melaksanakan tugas.
Skor 2	<p>Terdapat sedikit kekuatan tetapi masih banyak kelemahan yang nyata dan belum mencapai deskripsi skor 3</p>
Skor 1	<ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan asrama kurang mengamalkan softskill. • Kebanyakan keputusan dibuat oleh kepimpinan asrama tidak merujuk kepada murid asrama. • Sangat sedikit maklumat yang disampaikan dalam membentuk kepimpinan asrama.

STANDARD 2

PEMBANGUNAN SAHSIAH, PENGURUSAN AKTIVITI & PROGRAM MURID

2.5

Kokurikulum

Aspek 2.5.1

Kebitaraan Asrama

Kriteria Kritikal

Program Kebitaraan Asrama Diurus Untuk Memastikan Penglibatan Murid Secara Menyeluruh Dan Memperkembangkan Potensi Serta Bakat Murid Ke Arah Peningkatan Pencapaian Kokurikulum Sekolah.

SKOR

DESKRIPSI SKOR

<p>Skor 6</p>	<p><i>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi skor 5 dipenuhi. Terdapat unsur inovasi dan kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan kecemerlangan asrama yang membawa kepada peningkatan pencapaian murid. Usaha seumpama ini sesuai ditanda aras oleh sekolah lain.</i></p> <p>Contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai KEBITARAAN YANG DIKTIRAF OLEH JPN • Mendapat jemputan daripada komuniti setempat. • Sukan/ kebudayaan / badan beruniform terlibat dengan aktiviti luar. • Atau Inisiatif lain yang sesuai. <p>(Nyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan sebagai justifikasi skor 6)</p>
<p>Skor 5</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Hampir keseluruhan ketetapan program kebitaraan dilaksanakan dalam kokurikulum untuk kecemerlangan. • Hampir keseluruhan aktiviti kebitaraan dilaksanakan dengan berpandukan punca kuasa pelaksanaan dan rancangan aktiviti tahunan. • Hampir keseluruhan aktiviti yang dilaksanakan memberi pendedahan kemahiran asas dan meningkatkan sosialisasi dalam kalangan murid. • Hampir keseluruhan program kebitaraan dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun. • Program kebitaraan pasukan asrama dan pelapis dirancang dan dilaksanakan. • Pemantauan program kebitaraan dilaksanakan secara terancang. • Rekod kehadiran, penglibatan, penyertaan dan pencapaian/prestasi murid dalam aktiviti kebitaraan disediakan dengan kemas kini.
